

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG (TANJONG MALIM)

TARIKH : 9 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHANG LIH KANG (TANJONG MALIM) minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan berapa unit RTK-Antigen test kit yang akan atau telah diberikan kepada sekolah melalui PPD. Berapa kos yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengutamakan keselamatan serta kesihatan murid bagi memastikan sesi pembelajaran secara bersemuka di sekolah dapat dilaksanakan dalam keadaan teratur dan selamat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembekalan kit Ujian Kendiri COVID-19 ke sekolah bawah KPM di seluruh negara di peringkat awal adalah bertujuan untuk melaksanakan ujian saringan kepada yang murid bergejala di sekolah dan bagi sekali ujian semasa pendaftaran masuk murid ke asrama sahaja.

Pada September 2021, KPM telah membuat perolehan sebanyak 800,000 unit kit ujian saringan sendiri COVID-19 dengan kos keseluruhan berjumlah RM9.72 juta untuk kegunaan dalam tempoh Oktober hingga Disember 2021. Semua kit ujian saringan sendiri COVID-19 ini telah

SOALAN NO : 31

diedarkan ke semua Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) pada 25 September 2021.

Kuantiti kit yang diagihkan ke sekolah bagi tujuan saringan murid asrama adalah mengikut bilangan murid sesebuah asrama tersebut manakala kuantiti kit yang diagihkan ke sekolah bagi tujuan saringan bergejala adalah berdasarkan julat enrolmen murid seperti berikut:

Julat enrolmen murid	Bilangan kit Ujian Kendiri COVID-19
Bawah 200 orang	20 unit
201-500 orang	40 unit
501-1000 orang	60 unit
1001-2000 orang	80 unit
2000 ke atas	100 unit

Selaras dengan pelaksanaan Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan- *National COVID-19 Testing Strategy* (NTS) yang dikeluarkan oleh KKM pada 26 November 2021, KPM telah membuat perolehan tambahan sebanyak RM25.55 juta bagi membekalkan anggaran sebanyak 2,323,084 unit kit Ujian Kendiri COVID-19 kepada sekolah rendah. Perbekalan ini bertujuan bagi pelaksanaan ujian ke 10% sampel saringan murid secara mingguan dengan kaedah penggiliran bagi tempoh Disember 2021 hingga Januari 2022.